

FAQ – Berkaitan dengan Borang Permohonan Baki Pinjaman

Soalan:

1) Apakah yang dimaksudkan dengan Borang Permohonan Baki Pinjaman ini?

Jawapan:

Borang Permohonan Baki Pinjaman adalah satu borang yang perlu diisi oleh peminjam ataupun wakil peminjam bagi tujuan pengesahan baki pinjaman keseluruhan atau tunggakan yang perlu dilangsaikan mengikut tempoh masa yang tertentu.

Dengan menggunakan borang ini, peminjam tidak perlu membuat surat rasmi memohon pengesahan jumlah baki pinjaman.

Soalan:

2) Mengapa saya perlu memohon dan mengisi Borang Permohonan Baki Pinjaman saya?

Jawapan:

Anda perlu memohon dan mengisi borang permohonan ini kerana ia merupakan syarat dan peraturan asas untuk mendapatkan jumlah baki pinjaman yang telah disahkan oleh pegawai PTPTN samada bagi tujuan penyelesaian hutang penuh (*early settlement*), penyelesaian tunggakan dan juga tujuan pengeluaran KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja).

Soalan:

3) Bagaimana sekiranya wakil saya samada ibu bapa atau penjaga yang ingin memohon permohonan baki pinjaman ini bagi tujuan penyelesaian hutang saya?

Jawapan:

Permohonan baki pinjaman melalui wakil peminjam, boleh dibuat dengan menggunakan 'Borang Permohonan Baki Pinjaman (Wakil)'

Soalan:

4) Apakah yang akan berlaku sekiranya saya melunaskan pinjaman saya tanpa memohon dan mengisi Borang Permohonan Baki Pinjaman ini?

Jawapan:

Bagi peminjam yang melunaskan pinjaman tanpa membuat permohonan baki pinjaman terlebih dahulu, jumlah penyelesaian yang dibuat adalah tidak muktamad. Ini bermakna, sekiranya semakan dibuat mendapati bahawa jumlah penyelesaian hutang tersebut masih berbaki, PTPTN berhak untuk menuntut jumlah baki tersebut kepada peminjam dan surat pelepasan hutang tidak akan dikeluarkan sehingga jumlah baki tersebut diselesaikan.

Soalan:

5) Berapa lama masa yang diambil oleh PTPTN selepas saya membuat permohonan pengesahan baki pinjaman?

Jawapan:

PTPTN akan menyediakan Surat Pengesahan Baki Pinjaman dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penerimaan Borang Permohonan **KEQUALI** bagi peminjam yang telah dikenakan tindakan Saman dan direkodkan Penghakiman (Sila berurusan terus dengan Unit Undang-Undang PTPTN)

Soalan:

6) Bagaimana cara bagi mendapatkan Borang Permohonan Baki Pinjaman ini?

Jawapan:

Borang ini boleh didapati melalui :

a) Laman web

Anda boleh mendapatkan borang permohonan ini dengan melayari www.ptptn.gov.my

b) Kaunter

Anda boleh mengunjungi kaunter PTPTN di:

- i) 'One Stop Center'
Unit 1 & 2A,2B,
Level @, Stesen Sentral Kuala Lumpur,
50470 Kuala Lumpur.
- ii) Info Center PTPTN - Sabah
BANK SIMPANAN NASIONAL , Cawangan Utama Kota Kinabalu
Wisma BSN Sabah, Jalan Kemajuan ,
Karamuning , 88000 Kota Kinabalu , Sabah
Telefon : 088-230467
- iii) Info Center PTPTN - Sarawak
BANK SIMPANAN NASIONAL , Cawangan Utama Kuching
Bangunan Haji Abdul Rasit , Lot 173,174,175 Jalan Muda Hashim
93400 Kuching , Sarawak
Telefon : 082-234081